

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU**  
**RAYUAN JENAYAH NO. 45-8-1997**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

1. BAHA BIN JAMBOL
2. AZMAN BIN AHMAD

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Alasan penghakiman ini disediakan bagi memenuhi kehendak yang dilaungkan oleh pihak-pihak tertentu supaya penghakiman bertulis disediakan walaupun alasan-alasan ringkas telah diberikan serta dimaklumkan kepada pihak-pihak dan dinyatakan secara bertulis dalam nota prosiding bagi keputusan-keputusan yang dibuat dalam kes ini.

**Latar Belakang**

2. Tertuduh Pertama (Baha) dan Tertuduh Kedua (Azman) menghadapi pertuduhan bersama-sama mengedar dadah berbahaya iaitu cannabis seberat 50,607.5 gram di Gua Musang, Kelantan pada 31.12.96. 17 orang saksi

memberi keterangan bagi pihak pendakwa dan 8 orang lagi ditawarkan kepada pihak pembelaan.

3. Di akhir kes pendakwa saya telah nyatakan bahawa tahap pembuktian perlu dicapai oleh pihak pendakwa ialah melampaui keraguan yang menasabah. Saya telah huraikan ingredian-ingredian kesalahan yang dipertikai yang telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa terhadap Baha yang ditahan sewaktu memandu kereta Proton Wira DAC 7501 dengan membawa dadah berbahaya tersebut di dalam kompartmen khas yang dibina di dalam dan bawah kereta itu yang menjelaskan mengapa pembelaannya dipanggil. Telah juga dijelaskan kenapa pihak pendakwa di dapati gagal membuktikan sama ada secara langsung atau tidak langsung atau berasaskan anggapan bahawa Azman mengedar, mempunyai jagaan atau pemilikan dadah berbahaya yang dijumpai itu. Dengan itu, Azman dibebaskan dan dilepaskan sementara Baha dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dipinda dengan menggugurkan perkataan “bersama-sama”.

4. Baha telah memberi keterangan bagi pihak dirinya dan memanggil Azman sebagai saksi. Setelah meneliti keterangan dan hujah-hujah pembelaan dan membandingkannya dengan keterangan yang membuktikan kes terhadapnya, di dapati tiada keraguan yang menasabah telah ditimbulkan ke

atas kes pendakwa. Bahkan pembelaan di dapati menguatkan lagi kes pendakwa bahawa Baha mengetahui yang dia membawa dadah berbahaya itu di dalam kereta yang dipandunya. Oleh itu, Baha disabitkan kesalahannya dan dikenakan hukuman mengikut undang-undang. Alasan ringkas telah diberikan di akhir kes pembelaan. Dia kini merayu terhadap keputusan itu dan alasan-alasan yang lebih terang dan lengkap diberikan.

### Kes Pendakwa

5. Fakta kes yang didedahkan oleh keterangan saksi-saksi pendakwa adalah seperti berikut. Pada 29.12.96 pukul 8.30 malam ASP Makhetar bin Yaacob (SP15), Pegawai Operasi dan Siasatan yang bertugas di Jabatan Narkotik, Ibupejabat Polis Kontinjen, Kelantan telah menerima maklumat melalui panggilan telefon bahawa sebuah kereta jenis Proton Wira nombor DAC 7501 yang berada di kawasan Rantau Panjang dipercayai ada membawa dadah. Dia telah mengarah Sjn. Mohamad Salleh (SP16) dan 2 orang anggota lain mengesannya. Kereta itu hanya dapat dikesan pada pagi esoknya terletak di tepi jalan menghadap kedai papan di Lubok Gong, Rantau Panjang dan dipantau secara bergerak oleh SP15 dan anggota-anggotanya tapi tiada siapa dilihat mendekatinya. Hanya pada pukul 5.00 petang kereta itu dilihat dipandu oleh seorang lelaki menghala ke Rantau Panjang dan berhenti mengisi minyak di stesen Petronas. Baha dicam sebagai pemandu itu. Tiada orang lain

bersamanya di dalam kereta itu. Baha bersendirian memandu kereta itu keluar dan mula diekori oleh SP15 dan anggota-anggotanya menghala ke Pasir Mas tetapi gagal dikesan kerana dipandu laju. Setelah gagal mencari kereta itu di Rantau Panjang, SP15 kemudian mengarahkan semua sekatan jalan raya (SJR) polis memerhati dan menahan kereta itu jika dilihat melalui sekatan.

6. Pada pukul 7.30 malam 30.12.96 Wan Ruslina (SP3) yang bertugas sebagai attendan pam di stesen minyak Petronas di Gua Musang nampak kereta Proton Wira biru datang mengisi minyak. Dia ingat kereta itu kerana pemandunya memintanya mengisi minyak bernilai RM9.00 sahaja, sesuatu yang dia anggap pelik. Kereta itu dicam oleh SP3 daripada gambar P65 A&B. Tiada kereta lain yang mengisi minyak sebanyak RM9.00 pada hari itu selain kereta Proton Wira biru tersebut.

7. Pada pukul 8.20 malam itu (30.12.96) kereta DAC 7501 ditahan oleh Kpl Zulkifli (SP13) dan L/Kpl Zaini (SP14) di SJR di Km. 20 Jalan Gua Musang ke Kuala Lipis ketika datang dari arah Gua Musang. Ia dipandu oleh seorang lelaki dengan seorang penumpang di sebelahnya. SP13 telah meminta dan mengambil kunci kereta serta kad pengenalan pemandunya dan mengecam Baha sebagai pemandu dan Azman sebagai penumpang. SP14 yang diarah dan telah memeriksa kereta itu mendapati tiada benda yang menyalahi di dalamnya

– hanya barang-barang peribadi. Baha dan Azman ditahan dan duduk di kerusi di SJR sehingga SP15 sampai pada pukul 12.10 malam.

8. SP15 yang dimaklum pada pukul 8.45 malam tentang penahanan kereta DAC 7501 di SJR Km. 20 Jalan Gua Musang ke Kuala Lipis telah pergi ke sana bersama pasukannya dari Cawangan Narkotik IPK Kelantan. Mereka telah menggaru Baha dan Azman yang bersama kereta tersebut di bawa ke Balai Polis Gua Musang untuk pemeriksaan lanjut.

9. Pemeriksaan kereta DAC 7501 yang dijalankan oleh SP15 dan SP16 di hadapan Balai Polis Gua Musang telah mendedahkan satu ruang khas dalam kereta itu di bahagian dalam boot di mana terdapat lubang di bahagian bawah membawa ke lubang di lantai tempat duduk penumpang hadapan. Kedua-dua lubang dalam boot dan di lantai hadapan ditutup dengan kepingan zinc atau besi (P68A & P69A) dan ditampal plaster pelekat. Daripada ruang khas terlindung itu telah dikeluarkan oleh SP16 sebanyak 58 bungkus berbalut cellotape setiap satunya mengandungi bahan tumbuhan termampat yang disyaki ganja atau cannabis. Di dalam boot kereta itu juga dijumpai 1 bekas plastik biru berisi minyak petrol (P74A) serta satu corong plastik (P70A).

10. 58 bungkusan tersebut telah dihantar oleh Pegawai Penyiasat (SP17) ke Jabatan Kimia, Kuala Terengganu dan dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan (SP2) dan disahkan mengandungi 50,607.5 gram cannabis iaitu dadah berbahaya yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1972 (ADB).

11. Keterangan juga dikemukakan melalui Razali Che Ngah (SP6) pemilik Asia Automobile, Kota Bharu, Adnan bin Yusuf (SP7) jurujual Syarikat Serangkai Automobile Jerteh dan Hussin bin Che Ismail (SP4) pegawai JPJ, Kota Bharu bahawa kereta DAC 7501 adalah kereta baru buatan 1996 yang dibeli oleh Sameon atau Mi rakan Azman dengan membayar harga lebih sebanyak RM1500 untuk dapat cepat dan didaftar pada 9.12.96 atas nama Azman atas kehendak Mi, warga Thailand tersebut, yang memandu kereta itu setelah diserahkan oleh SP7. Azman, yang tidak mempunyai lesen memandu, sebaliknya telah membeli tiket melalui SP6 untuk balik ke Kuala Lumpur menaiki kapal terbang pada petang yang sama.

12. Kereta DAC 7501 telah juga diuji oleh SP17 bersama Sjn. Mohamad Salleh (SP11), Ketua Mekanik Polis Kuala Krai, pada 10.4.97. SP11 mendapati tangki minyak kereta itu telah diubahsuai kerana hanya mempunyai kapasiti untuk 10 liter minyak sahaja dan walaupun diisi penuh jaram

meternya menunjukkan  $\frac{1}{4}$  tangki sahaja diisi. 4 liter minyak masih berada di dalam tangki semasa ujian dibuat.

13. Pemeriksaan ke atas kereta DAC 7501 juga dijalankan oleh 2 orang saksi daripada pihak pengeluar kereta Proton Wira. Mohd Arshad (SP8) seorang eksekutif Proton mengesahkan kereta DAC 7501 adalah kereta keluaran Proton Shah Alam tetapi beberapa ubahsuai telah dibuat ke atasnya tanpa kebenaran pihak Proton. Dia merujuk khusus kepada bahagian bawah kereta itu yang telah ditutup dengan satu plate tambahan dari bahagian kiri depan ke belakang dan lubang-lubang ditebuk di lantai penumpang depan dan di boot kereta, yang mana adalah ubahsuaian yang tidak menurut spesifikasi kereta Proton Wira. Mohd Yazid (SP9) jurutera Proton yang bertanggungjawab mereka bentuk dan ubahsuai system bahan api kereta Proton Wira pula mengesahkan bahawa tangki kereta DAC 7501 bukan tangki asal. Ia bukan bentuk tangki yang dibekal oleh Proton dan kedudukannya telah diubah tempat dengan ubahsuaian dibuat dengan paip tambahan daripada getah menyambung tangki dengan filter paip. SP9 juga mengesahkan bahawa bagi semua jenis kereta Proton Wira isipadu tangkinya sama iaitu 50 liter. Menurutnya juga, bagi kereta Proton Wira 1.3 dengan kelajuan 80 kmj. di lebuh raya, dengan 10 liter kita boleh pergi sejauh 100 hingga 120 km. dengan keadaan pemanduan yang sama.

### Hujah Di akhir Pendakwaan

14. Bagi pihak Baha, peguambela bijaksana yang dilantik mewakilinya telah membangkitkan 3 isu. Pertama dihujahkan bahawa kes pendakwaan gagal membuktikan bahawa bahan-bahan tumbuhan yang dirampas ialah cannabis seperti ditakrif di dalam seksyen 2 ADB. Katanya 32 sampel yang diambil secara rawak untuk ujian oleh SP2 tidak kepastian beratnya dan peratusannya berbanding berat bahan tumbuhan yang terkandung dalam 58 bungkusan yang dirampas. Oleh itu anggapan seksyen 37(j) ADB dihujahkan tidak terpakai. Kes-kes LEONG BON HUAT v. PP (1993) 3 MLJ 11, LOO KECK LEONG v. PP (1992) 3 CLJ 1332, 1333, PP v. MOHAMAD B. AMBUNANI (1994) 4 CLJ 871, 872 dan PP v. ALEX B. HAMZANI (1995) 3 CLJ 102 dijadikan sandaran.

15. Keduanya, dihujahkan bahawa Baha tidak dibuktikan mempunyai pemilikan dadah yang dijumpai dalam kereta DAC 7501, oleh itu anggapan seksyen 37 (da) ADB tidak terpakai terhadapnya. Dihujahkan kes pendakwa tidak menunjukkan secara langsung atau tidak langsung yang Baha mempunyai pengetahuan tentang bahan tumbuhan yang dirampas. Kerjasama yang diberi oleh Baha dan ketiadaan cubaan untuk melarikan diri walaupun tidak digari dikatakan menunjukkan dia tiada perasaan bersalah. Mahkamah dirujuk kepada kes-kes CHAN PEAN LEON v. PP (1956) MLJ 237 dan PP v.

BADRULHISHAM (1988) 2 MLJ 585. Juga dihujahkan bahawa tiada keterangan siapa yang mengawal kereta itu antara pukul 5.00 petang 30.12.96 hingga ia ditahan pada pukul 8.20 malam itu dan juga antara jam 8.00 pagi hingga 8.20 malam itu. Lagipun terdapat keterangan yang ada orang lain juga yang ada hubungan dengan kereta itu iaitu orang yang membelinya (Baha tidak terlibat dengan pembelian kereta itu) dan tuannya telefon bimbit dan barang-barang peribadi (P75 A-D) yang dijumpai dalam kereta itu.

16. Ketiganya, dihujahkan berkenaan kesejangan rantaian keterangan mengenai bungkusan-bungkusan yang dirampas - khususnya apabila bungkusan-bungkusan yang dikeluarkan oleh SP17 dan SP16 daripada bahagian hadapan kereta bungkusan-bungkusan di dalam boot ditinggal tanpa kawalan.

17. Peguam bijaksana bagi pihak Azman pula menyarankan bahawa beban pembuktian di pihak pendakwa di tahap ini adalah melampaui keraguan yang menasabah kerana tarikh kejadian ialah 31.12.96 sedangkan pindaan kepada seksyen 180 Kanun Prosidur Jenayah (KPJ) hanya berkuat kuasa pada 31.1.97 – DALIP BHAGWAN SINGH v. PP (1997) 4 AMR 4029, 4032 FC dirujuk.

18. Peguam bijaksana bersetuju dengan hujahan rakannya bahawa pendakwaan gagal membuktikan bahan tumbuhan yang dirampas adalah cannabis. Hujahnya walaupun SP2 mengambil sampel daripada setiap bungkusan tetapi tidak diketahui beratnya atau peratusannya. Oleh itu katanya tidak kepastian sama ada ujian dibuat ke atas 200 gram kerana hanya jumlah itu boleh mencetuskan anggapan mengedar.

19. Dihujahkan juga bahawa pemilikan gagal dibuktikan terhadap Azman. Oleh kerana dadah dijumpai di dalam kereta anggapan seksyen 37(d) ADB didakwa tidak terpakai kerana kereta bukan 'anything whatsoever containing' yang dimaksudkan. Dirujuk kes-kes CHOO TECK SOON v. PP (1954) MLJ 63, TONG PENG HONG v. PP (1955) MLJ 232 dan PP v. LIN LIAN CHEN (1992) 2 MLJ 561 yang memutuskan sedemikian. Juga disarankan bahawa seksyen 37(h) ADB tidak terpakai kepada Azman kerana dia bukan tuannya yang dimaksudkan oleh seksyen itu. Dihujahkan 'owner' dalam seksyen itu bermaksud '*de facto owner*' yang tidak semestinya tuannya berdaftar kerana jika itu yang dimaksudkan perkataan 'registered owner' pasti digunakan. Keterangan saksi-saksi pendakwa sendiri membuktikan bahawa kereta itu dibeli oleh orang lain dengan menggunakan nama Azman sedangkan Azman sendiri tidak pun memiliki lesen memandu dan tidak pernah mengambil

pemilikan kereta itu kerana selepas pembelian kereta itu dia terus ke Kuala Lumpur menaiki kapal terbang.

20. Dihujahkan juga bahawa anggapan seksyen 37(h) jika pun terpakai terhadap Azman, ia hanya mengenai pengetahuan dan bukan pemilikan. Ia tidak cukup untuk membuktikan pemilikan oleh Azman. Seterusnya ditegaskan andainya anggapan itu terpakai sekalipun ia telah dipatahkan oleh keterangan pendakwa sendiri tentang tingkahlakunya sebelum dan selepas ditahan. Dia tidak menunjukkan resah apabila ditahan dan tidak cuba lari walaupun tidak digari dan berpeluang berbuat demikian. Dia hanya pertama kali dilihat di dalam kereta itu semasa ditahan di SJR oleh itu tidak boleh dibuat inferens yang dia mempunyai kawalan ke atasnya.

21. Akhirnya dihujahkan tiada keterangan boleh mengaitkan Azman dengan dadah yang dirampas. Barang-barang peribadi lain juga dijumpai di dalam kereta itu (termasuk telefon bimbit) yang tidak dijelaskan siapa yang punya dan boleh memberi inferens yang orang itu pernah berada dalam kereta itu atau mengawalinya sebelum ditahan. Oleh itu dihujahkan Azman tidak dibuktikan mempunyai kawalan secara eksklusif ke atas kereta itu yang mana perlu dibuktikan tanpa keraguan yang menasabah sebelum dia boleh disabitkan.

## Pembelaan Dipanggil

22. Pertuduhan (P3) jelas menetapkan tarikh kesalahan didakwa berlaku, iaitu sebelum berkuatkuasanya pindaan kepada seksyen 180 KPJ yang kini hanya memerlukan kes pendakwaan dibuktikan di tahap prima facie sahaja sebelum seseorang tertuduh boleh dipanggil untuk membela dirinya atas apa-apa pertuduhan yang dihadapinya. Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes DALIP BHAGWAN SINGH v. PP (supra) mengikat semua mahkamah di bawahnya, termasuk Mahkamah ini, bahawa pindaan itu tidak retrospective dan dengan itu ujian prima facie hanya terpakai kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan selepas tarikh berkuatkuasa pindaan tersebut pada 31.12.97. Dengan kata lain, tahap pembuktian yang perlu dicapai oleh pihak pendakwa dalam kes ini ialah di tahap pembuktian melampaui keraguan menasabah. Ini tidak dipertikaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana dalam hujah balasnya.

23. Mengenai identiti bahan-bahan tumbuhan yang terkandung dalam 58 bungkusan yang dirampas oleh pihak polis itu, didapati tiada asas untuk diragukan dapatan analisa SP2 bahawa ia adalah cannabis seberat 50,607.5 gram seperti dinyatakan dalam P3. Saya tidak nampak apa-apa kelemahan dalam ujian-ujian yang dijalankan oleh SP2. Dia telah menjalankan analisa secara berasingan ke atas bahan-bahan tumbuhan termampat yang terkandung

di dalam setiap satu daripada 58 bungkusan (P7B – P64B) yang dirampas. Bagi setiap bungkusan dia telah memeriksa semua bahan tumbuhan (100%) yang terkandung di dalamnya bagi ujian pertama dan keduanya dan mendapati semua bahan tumbuhan itu adalah daripada satu jenis yang mempunyai ciri-ciri mikroskopik serupa dengan tumbuhan genus cannabis. Resin berwarna perang di dapati masih berada dalam bentuk asal pada bahan-bahan tumbuhan tersebut. Ujian ketiga dan keempat adalah ujian-ujian kimia yang mengesahkan bahan-bahan tumbuhan itu mengandungi cannabinoid yang hanya terdapat dalam tumbuhan genus cannabis. Dengan berat bersih bahan-bahan tumbuhan itu ditimbang dan berjumlah 50,607.5 gram, telah terbukti tanpa keraguan bahawa semua bahan tumbuhan yang terkandung di dalam 58 bungkusan P7B – P64B yang dirampas itu adalah cannabis seberat yang dinyatakan dalam pertuduhan.

24. Kes LEONG BON HUAT (supra) dibezakan dari segi fakta kelemahan keterangan ahli kimia yang tidak terdapat dalam kes kita. Rujuk pendekatan yang diambil dalam kes-kes ROSLIM B. HARUN v. PP (1994) 2 MLJ 132 dan MOHD YUSOF B. SAID v. PP (1996) 1 AMR 897. Lagi pun Mahkamah ini, dalam menangani keterangan daripada ahli kimia, adalah terikat dengan pendekatan yang disarankan oleh Mahkamah Agong dalam kes MUNUSAMY v. PP (1987) 1 MLJ 492 dan PP v. LAM SAN (1991) 3 MLJ

426. Saranannya ialah supaya Mahkamah perbicaraan menerima prima facie keterangan ahli kimia melainkan ia ternyata sukar dipercayai oleh orang yang berfikiran waras. Apa pun jua, hujah peguam bahawa anggapan seksyen 37(j) ADB tidak terpakai adalah tepat kerana SP2 telah memeriksa semua bahan tumbuhan yang terkandung di dalam semua 58 bungkusan dan sampel-sampel daripada setiap bungkusan bagi menentukan semua bahan tumbuhan itu adalah dari genus cannabis. Berat dan peratusan sampel yang digunakan untuk ujian DLC dan TLC tidak penting kerana ujian-ujian itu hanya untuk pengesahan identiti bahan yang diuji. Sama ada 1% atau 10% sampel digunakan untuk ujian keputusannya sama, jika ia cannabis ia tidak akan berubah.

25. Kesenjangan rantaian keterangan mengenai bungkusan-bungkusan yang dikeluarkan daripada kereta DAC 7501 seperti yang dihujahkan oleh peguambela bijaksana sebenarnya tidak wujud. Bungkusan-bungkusan itu dikeluarkan oleh SP16 daripada lubang-lubang di boot kereta dan di bahagian depan kereta di bawah pengawasan langsung SP15 yang sentiasa ada berdekatannya. Pemeriksaan dibuat lebih kurang pukul 2.00 pagi di tempat cerah di hadapan tempat bertanya Balai Polis, Gua Musang hanya dalam kehadiran Baha dan Azman dan anggota SP15 yang mengawal mereka dan anggota polis di pejabat bertugas sahaja. Bungkusan-bungkusan itu hanya dikeluarkan daripada lubang-lubang itu dan dikumpulkan di dalam boot kereta

dan sentiasa berada dalam kawalan dan pengawasan SP15 dan anggota-anggotanya.

26. Keterangan SP13 dan SP14 membuktikan kereta DAC 7501 dipandu oleh Baha pada malam ia ditahan di SJR Gua Musang. Azman yang duduk sebagai penumpang di sebelahnya tidak mempunyai lesen memandu. Oleh itu Baha adalah orang yang bertanggungjawab dan mengawal kereta itu semasa ditahan.

27. Bahkan keterangan SP15 dan SP16 menunjukkan Baha telah mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kereta itu sejak pukul 5.00 petang itu lagi iaitu apabila dia dilihat memandunya (tanpa ada orang lain bersamanya) dari arah Lubok Gong ke Rantau Panjang di mana dia berhenti di stesen minyak Petronas dan kemudian meneruskan perjalanan menghala ke Pasir Mas melalui lebuh raya. Kereta itu dikesan semula pada pukul 7.30 petang apabila SP3 yang bertugas di stesyen minyak Petronas Gua Musang memenuhi arahan luar biasa pemandunya untuk mengisi minyak sebanyak RM9.00 sahaja.

28. Memandangkan jarak yang begitu jauh di antara Rantau Panjang di sempadan utara negeri Kelantan dan Gua Musang yang terletak di sempadan selatan negeri Kelantan, jangka masa perjalanan selama 2½ jam adalah

menasabah. Anggaran ini mengambilkira Baha dikatakan memandu dengan laju tetapi perlu berhenti untuk mengisi minyak dalam perjalanannya kerana tangki minyak kereta itu hanya mempunyai kapasiti 10 liter yang mengikut SP9 dan SP11 hanya boleh menampung perjalanan sejauh lebih kurang 100 km. sahaja.

29. Apapun jua, kepastiannya adalah kereta DAC 7501 berada di bawah tanggungjawab Baha semasa melalui dan ditahan di SJR Gua Musang. Juga pasti ialah dadah berbahaya telah dijumpai tersembunyi di dalam kompartmen yang dibina khas dalam kereta itu. Keterangan SP8, SP15 dan SP16 tidak dicabar mengenai penemuan kompartmen khas dan 58 bungkusan P7B – P64B (berisi cannabis) tersembunyi di dalamnya. Dengan itu anggapan di bawah seksyen 37(h) ABD telah dicetuskan.

30. Seksyen 37(h) ADB adalah seperti berikut:

“ (h) if any dangerous drug is found concealed in any compartment, specially constructed for the purpose, on any vehicle, it shall until the contrary is proved, be deemed to have been so concealed with the knowledge of the owner of the vehicle and of the person in charge of the vehicle for the time being; ”

Dengan terbuktinya penemuan dadah berbahaya tersembunyi di dalam kompartmen yang dibina khas dalam kereta DAC 7501 maka dari segi undang-undang adalah dianggap, melainkan dibuktikan sebaliknya, bahawa dadah itu disembunyikan sedemikian dengan pengetahuan orang yang pada masa berkenaan bertanggungjawab ke atas kereta itu, iaitu pemandunya Baha.

31. Fakta-fakta yang dinyatakan di atas berserta anggapan pengetahuan itu juga membangkitkan inferens yang tidak dapat dibendung bahawa dadah berbahaya cannabis yang dirampas itu berada dalam milikan Baha yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kereta tersebut pada masa berkenaan.

32. Perkataan 'trafficking' atau mengedar ditakrif dalam seksyen 2 ADB sebagai termasuk perbuatan-perbuatan 'transporting' (mengangkut) dan 'carrying' (membawa). Oleh itu perbuatan memindahkan dadah berbahaya dari satu tempat atau kawasan ke tempat atau kawasan yang lain terjumlah kepada perbuatan mengedar dadah itu bagi maksud ADB.

33. Dalam kes ini fakta yang telah dibuktikan memberikan inferens yang tidak dapat dibendung bahawa Bahalah yang memandu kereta DAC 7501 dari Rantau Panjang di sempadan utara negeri Kelantan ke SJR km. 20 Jalan Gua Musang ke Kuala Lipis iaitu hampir di sempadan selatan negeri Kelantan.

Dengan anggapan undang-undang yang dia mengetahui 58 bungkusan cannabis disembunyikan dalam kompartmen khas dibina dalam kereta itu, maka terbuktilah kes pendakwa yang dia telah mengedar dadah berbahaya itu tanpa keraguan yang menasabah.

34. Tujuan mengedar mungkin boleh disangkal jika dadah berbahaya yang dibawa atau dimiliki adalah untuk kegunaan sendiri tetapi apabila jumlahnya begitu besar seperti dalam kes ini (50,617.5 gram) maka inferens tiada lain melainkan untuk tujuan pengedaran. Tambahan pula pemilikan melebihi 200 gram juga membawa anggapan mengedar di bawah seksyen 37(da) ADB.

35. Anggapan pengetahuan di bawah seksyen 37(h) ADB juga boleh disangkal tetapi beban membuktikan sebaliknya terletak di bahu Baha atasimbangan kebarangkalian.

36. Tuduhan terhadap Azman hanya bergantung kepada bukti kehadirannya bersama Baha dalam kereta DAC 7501 semasa ditahan dan fakta bahawa dia merupakan pemilik berdaftar kereta itu. Dia juga dibuktikan hadir bersama kawanya Mi semasa hendak membeli kereta itu pada 7.12.96 dan seterusnya apabila kereta itu didaftar atas namanya pada 9.12.96.

37. Walau bagaimanapun keterangan SP6 dan SP7 adalah tegas bahawa orang yang sebenar membeli kereta itu dan membayar booking fee, wang pendahuluan serta meminta supaya nama Azman digunakan bukannya Azman tetapi kawannya. Bahkan kawannya itu juga yang menerima penyerahan kereta itu dan memandunya dari Jerneh di mana kereta itu diambil. Azman sendiri disahkan telah menempah tiket kapal terbang untuk ke Kuala Lumpur pada petang yang sama. Kehadirannya di dalam kereta itu hanya disedari semasa kereta ditahan di SJR Gua Musang, tiada keterangan sejak bila dan di mana dia menaiki kereta itu.

38. Dalam keadaan sedemikian, saya bersetuju dengan hujah peguambela bijaksana bahawa anggapan seksyen 37(h) ADB tidak terpakai terhadap Azman atau telah dipatahkan kerana keterangan saksi-saksi pendakwa sendiri menunjukkan dia bukan tuannya sebenar kereta itu walaupun didaftar atas namanya.

39. Tiada keterangan lain dikemukakan yang boleh menunjukkan penglibatan Azman atau pengetahuannya tentang kehadiran dadah berbahaya yang tersembunyi di dalam kereta yang dinaikinya.

40. Saya tidak dapat terima saranan TPR yang bijaksana bahawa Azman sebagai tuannya baharu kereta itu mesti tahu tentang ubahsuaian yang dibuat ke atas kereta itu. Tiada secebis pun keterangan boleh mengaitkan Azman dengan pengubahsuaian yang berlaku kepada kereta itu. Sebaliknya hanya terdapat keterangan bahawa sebaik sahaja kereta itu dibeli atas namanya pada 9.12.96, Azman telah pergi ke Kuala Lumpur (menaiki kapal terbang) dan menghilang sehinggalah pada 30.12.96 pukul 8.20 malam apabila dia didapati bersama Baha di dalam kereta itu semasa ditahan di Gua Musang. Oleh itu tuduhan terhadap Azman gagal dibuktikan dan dengan itu dia patut dibebaskan dan dilepaskan.

41. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, Baha telah dipanggil untuk membela dirinya atas tuduhan mengedar dadah berbahaya itu. Memandangkan pembelaan hanya boleh dipanggil terhadap Baha seorang sahaja, maka perkataan 'bersama-sama' digugurkan daripada pertuduhan P3 dan pertuduhan dipinda itu dibaca dan diterangkan kepadanya. Azman pula dibebaskan dan dilepaskan tanpa pembelaannya dipanggil.

#### Kes Pembelaan

42. Mengikut keterangan Baha, dia telah diupah sebanyak RM350 oleh Mi untuk menghantar kereta ke Kuala Lumpur. Dia telah terlebih dahulu

meminta dan mendapat persetujuan Azman untuk menemaninya dan menunjukkan jalan kerana dia tidak tahu jalan ke Kuala Lumpur.

43. Pada esoknya 30.12.96 jam 4.00 petang Mi telah membawanya ke Pengkalan Lubok Gong di mana Azlan bin Ahmad (Azlan) yang juga dikenalnya di Golok telah menunjuk kepada mereka kereta DAC 7501 yang hendak dihantar kepada Najib di Kuala Lumpur untuk dijual. Dia diminta menyerahkan kereta itu kepada Najib yang akan menunggunya di Gombak. Dia dibekalkan dengan telefon bimbit Azlan dengan pesanan dia tak perlu menelefon Najib kerana Najib sudah tahu nombor telefon Azlan itu.

44. Baha kemudian memandu kereta itu menghala ke Rantau Panjang untuk mengisi minyak di stesen Petronas. Selepas mengisi minyak pada pukul 5.00 petang dia pergi ke Tanah Merah untuk mengambil Azman yang menunggu di sana. Katanya dia tahu Azman berada di sana kerana pada 29.12.96 Azman telah memberitahunya yang dia akan tunggu di sana sebab dia hendak membeli 2 pasang selipar Adidas yang dipesan oleh kawannya.

45. Baha berjumpa Azman di stesen minyak Esso di Tanah Merah pada pukul 5.40 petang. Mereka kemudiannya bertolak ke Kuala Lumpur. Mereka ditahan di SJR Gua Musang pada pukul 8.00 malam untuk pemeriksaan lesen

dan seterusnya diarah untuk menunggu seseorang dari Kota Bharu untuk memeriksa kereta. Mereka menunggu di situ selama 4 jam.

46. Apabila orang dari Kota Bharu sampai, Baha dan Azman digari dan dibawa ke Balai Polis, Gua Musang di mana kereta DAC 7501 diperiksa keseluruhannya. Baha kata dia tak tahu apa barang dijumpai di dalam kereta itu kerana dia duduk di kerusi (di dalam Balai Polis) tetapi dia kemudian diberitahu oleh SP17 bungkusan-bungkusan yang dijumpai adalah ganja. Dia menafikan yang dadah itu kepunyaannya. Dia tidak pernah memandu atau melihat kereta itu sebelum hari tersebut.

47. Dalam pemeriksaan balasnya Baha memberitahu Mahkamah yang dia bekerja sebagai penjual ikan tetapi dia juga berniaga buah-buahan. Dia berulang alik ke Golok 4 kali seminggu untuk membeli buah. Dia kenal Azman sejak awal tahun 1996. Azman pada masa itu tinggal di Golok walaupun dia tidak lagi bekerja di sana. Baha juga mengaku pernah tinggal di rumah Azman di Golok.

48. Baha menafikan yang dia terlibat dengan jual beli dadah bersama Azman, Mi dan Azlan. Katanya dia cuma “sebagai diupah menjadi driver saja untuk menghantar kereta”. Dia tidak syak apa-apa. Dia hanya tahu Azlan

pergi hantar kereta ke Lubok Gong, lepas itu dia disuruh ambil kereta itu dan hantar ke Kuala Lumpur. Dia ikut saja.

49. Baha tahu kereta DAC 7501 adalah kereta baharu tapi dia tak semak cukai jalannya dan tidak tahu ada dadah di dalamnya pada 30.12.96. Dia mengaku mengisi penuh minyak kereta itu di Rantau Panjang tapi hanya bayar RM5. Dia tahu RM5 untuk minyak tidak cukup untuk perjalanannya yang jauh tetapi pergi juga kerana minyak telah diisi penuh walaupun jarum meternya yang sepatutnya sampai ke tanda F hanya menunjukkan naik sedikit sahaja atas daripada tanda E.

50. Baha mengaku rasa pelik apabila minyak telah diisi penuh tapi jarum meter tidak menunjukkan penuh. Tetapi dia tidak pula terfikir untuk berpatah balik berjumpa Mi atau semasa perjalanan bertanya Azman apabila tahu dia adalah tuannya kereta itu.

51. Bila ditanya mengenai P74A yang berisi satu galen minyak dan corong plastic P74A di dalam boot kereta itu, Baha kata dia nampak benda-benda itu di dalam boot kereta itu tetapi tak tahu ada minyak atau tidak di dalamnya. Baha juga mengaku mengisi penuh minyak sekali lagi di stesen minyak Esso di Tanah Merah. Bila ditanya adakah itu disebabkan jarum meter

menunjukkan tanda E, dia memberikan sebabnya kerana Mi telah pesan kepadanya supaya selalu isi minyak dan dia tak tanya kenapa. Katanya Azman tidak memberitahunya apa-apa mengenai kereta itu selain bahawa dia adalah tuannya kereta itu.

52. Baha juga mengaku sekali lagi mengisi penuh minyak kereta itu di stesen Petronas Gua Musang. Dia hanya bayar RM9.20. Dia tidak rasa pelik dan tidak terlintas untuk bertanya Azman tuannya kereta yang ada bersamanya.

53. Mengenai bau kuat seperti bau sotong kering di dalam kereta itu yang dihidu oleh SP 15 semasa di SJR Gua Musang, Baha menerangkan yang dia juga ada terbau sotong semasa memandu dan menyatakan sebabnya ialah mereka ada membeli sotong bergula di dalam plastik untuk makanan ringan dalam perjalanan. SP15 tidak disoal balas mengenai bau itu walaupun bau itu (selain jarom meter di paras E dan maklumat yang diterima) antara fakta yang membuatkan SP15 syak dadah ada dibawa di dalam kereta itu. Kalau ada sotong atau bekas plastiknya dijumpai di dalam kereta itu, ia tidak akan menimbulkan syak kepada SP15. Keterangan SB2 tidak menyentuh tentang pembelian sotong kering.

54. Baha mengesahkan 58 bungkusan dadah yang dirakam gambar oleh polis diambil dari dalam kereta DAC 7501 tapi menafikan tahu dari tempat mana. Dia mendakwa tidak tahu dadah berada di dalam kereta yang dipandu kerana dia hanya mengambil upah memandu saja.

55. Walau bagaimanapun Baha mengaku upah RM350 yang diterimanya sebelum pergi ke Lubok Gong adalah lebih daripada biasa dan alasannya ialah kerana dia nak balik dengan bas. Menjawab kepada soalan Mahkamah Baha kata dia hanya terima RM350 daripada Mi dan dengan duit itu juga dia disuruh mengisi minyak selalu (acap kali) dan menuntutnya kemudian.

56. Azman yang dipanggil sebagai saksi menyokong keterangan Baha bahawa dia berada di dalam kereta DAC 7501 pada 30.12.96 atas permintaan Baha untuk menunjukkan jalan ke Kuala Lumpur bagi maksud menghantar kereta itu (yang dijual) kepada Najib di Gombak. Dia hanya menaiki kereta itu di sebuah stesen minyak di Tanah Merah dan mereka telah ditahan di SJR Gua Musang. Dia mengesahkan kereta itu dibeli oleh Mi dengan menggunakan namanya (Azman) kerana dia berhutang budi dengan Mi yang banyak menolongnya semasa mula bekerja di Golok. Dia juga kenal dan pernah bercakap dengan Azlan dan selalu tengok Mi dan Azlan makan bersama.

57. Menjawab soalan balas, Azman mengaku masih tinggal di Golok walaupun telah berhenti kerja 6 bulan sebelum kejadian. Dalam tempoh itu dia ada juga pergi ke Kuala Lumpur apabila dipesan oleh abangnya dan dia boleh ke Pasir Mas jika dia mahu.

58. Azman mengenali Mi sejak awal 1995. Dia tahu Mi memiliki beberapa buah lori dan pernah dibawa oleh Mi melihatnya bekerja menimbun tanah. Katanya Mi tidak ada kedai buah-buahan – dia hanya pajak dan hantar buah-buahan. Baha telah kenal Mi sebelum Azman mengenali Baha.

59. Mengikut Azman dia tidak bersama Baha pergi ke Lubok Gong pada 30.12.96 kerana ada hal di Tanah Merah iaitu mencari barang keperluan peribadinya. Maksudnya ialah membeli selipar Addidas buatan Slovenia yang tiada dijual di Thailand.

60. Katanya 2 – 3 hari sebelum itu Mi telah memberitahunya yang dia nak jual kereta DAC 7501 dan ada meminta Baha menghantarnya. Azman juga pasti bahawa sebelum 30.12.96 Baha telah mengetahui kereta itu adalah kepunyaan Azman. Azman kata dia juga menerima pelawaan Baha ke Kuala Lumpur kerana rasa lega jika kereta itu dijual sebab hutang dengan finance atas

namanya akan selesai. Azman juga mengakui kereta itu dipandu oleh Baha sepanjang jalan.

#### Hujah Di akhir kes Pembelaan

61. Peguambela bijaksana bagi pihak Baha menghujahkan bahawa pembelaan hanya di tahap imbalan kebarangkalian sahaja bagi mematahkan anggapan undang-undang. Hujahnya keraguan telah ditimbulkan atas apa yang berlaku di Lubok Gong sebelum Baha memandu kereta itu. Kehadiran Azlan di Lubok Gong dan telefon bimbitnya di dalam kereta itu menunjukkan ada orang lain juga yang mempunyai akses kepada kereta itu. Oleh itu Baha dihujahkan tidak mempunyai jagaan eksklusif atas kereta itu pada tempoh yang material. Kes PHANG CHEA MENG (supra) dirujuk.

62. Hujahnya lagi SP2 telah tahu berkenaan penjualan kereta itu 2 – 3 hari sebelumnya sedangkan Baha hanya tahu sehari sebelum tangkapan. Ini ditambah dengan kaitan rapat yang diakui antara Azman dengan Mi menimbulkan inferens yang mereka telah merancang perjalanan itu dan hanya menggunakan Baha sebagai pemandu dengan upah RM350. Perlakuan Baha dikatakan tidak menunjukkan guilty mind di pihaknya. Dirujuk kes PP v. KANG HO SOH (1992) 1 MLJ 360, 378.

63. Keterangan Baha mengisi minyak dihujahkan tidak boleh dikaitkan dengan pengetahuannya tentang dadah yang tersembunyi. Ini kerana kes pendakwa tidak menunjukkan sama ada meter minyak berfungsi atau tidak.

64. Seterusnya dihujahkan Baha tidak mempunyai peluang untuk memasukkan 50 kilogram dadah dan mengesalnya dalam kompartmen tersembunyi dalam kereta itu dalam tempoh 30 minit dia berada bersendirian dengan kereta itu antara pukul 5.10 petang di Rantau Panjang hingga 5.40 petang di Tanah Merah. Lagipun dihujahkan maklumat yang diterima oleh SP15 hanya menyebut kereta yang membawa dadah dan tidak menyatakan tentang pemandu.

65. Akhirnya dihujahkan anggapan seksyen 37(da), tidak terpakai dalam kes ini dan anggapan seksyen 37 (h) telah dipatahkan kerana dalam keadaan di mana terdapat lebih daripada satu inferens maka inferens yang berpihak kepada tertuduh perlu diterima.

### Pertimbangan

66. Seperti dinyatakan di akhir kes pembelaan, Baha telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwa terhadapnya atau mematahkan anggapan undang-undang yang dia mengetahui kereta yang

dipandunya itu membawa dadah berbahaya dalam kompartmen tersembunyi. Sebaliknya keterangan Baha sendiri dan juga keterangan sokongan daripada Azman menguatkan lagi kes pendakwa tentang pengetahuan Baha mengenai kehadiran dadah itu di dalam kereta yang dipandunya.

67. Telah dibuktikan tanpa keraguan dan tidak dipertikai bahawa 50,607.5 gram cannabis dijumpai tersorok di dalam kompartmen yang dibina khas di dalam kereta DAC 7501 apabila diperiksa di Balai Polis, Gua Musang selepas kereta itu ditahan pada pukul 8.20 malam di SJR km. 20, Jalan Gua Musang ke Kuala Lipis.

68. Juga tidak dipertikai bahawa Baha telah memandu kereta itu bersendirian sejak pukul 5.00 petang 30.12.96 dari Lubok Gong ke Rantau Panjang untuk mengisi minyak dan kemudian menghala ke Pasir Mas dan 2½ jam kemudian berhenti di stesen minyak Petronas di Gua Musang mengisi minyak lagi sebelum ia ditahan di SJR ½ jam kemudian. Kes pembelaan mengesahkan yang Baha telah juga memandu kereta itu ke Tanah Merah untuk mengambil Azman serta mengisi minyak lagi di sana sebelum bertolak ke Kuala Lumpur (melalui Gua Musang).

69. Oleh itu tiada keraguan ditimbulkan ke atas kes pendakwa bahawa Baha adalah orang yang bertanggungjawab dan mengangkut atau membawa dadah berbahaya tersebut dari Lubok Gong ke Rantau Panjang, ke Tanah Merah, dan ke Gua Musang dengan destinasi akhirnya ke Kuala Lumpur. Baha sendiri mengaku kehadiran Azman adalah atas permintaannya untuk menunjukkan jalan ke sana.

70. TPR menghujahkan bahawa Baha perlu menimbulkan pembelaan yang menasabah dan barangkali bagi mematahkan anggapan statutori tentang pengetahuannya berkenaan dadah berbahaya yang tersorok di dalam kereta itu. Sikap dan perlakuan Baha dikatakan tidak menunjukkan dia sebagai seorang pemandu yang menasabah dengan itu gagal mematahkan anggapan tersebut.

71. Memang aneh dan tidak menasabah bagi seorang pemandu kereta baharu, setelah mengisi minyak penuh dengan bayaran RM5.00 di Rantau Panjang untuk perjalanan jauh ke Kuala Lumpur mengisi minyak penuh sekali lagi di Tanah Merah iaitu setelah memandu selama ½ jam sahaja. Lebih menakjubkan lagi apabila dia mendapati keperluan mengisi minyak penuh sekali lagi di Gua Musang tak sampai 2 jam kemudiannya. Yang hairannya dia sendiri tidak merasa pelik setiap kali minyak diisi penuh dia hanya kena bayar tak sampai RM10.00 dan jarum meter menunjukkan lebih dekat kepada tanda E

daripada F. Hakikatnya, itulah keterangan pembelaan Baha sendiri. Dan dia tidak merasakan perlu bertanya Mi kenapa minyak disuruh isi selalu atau kenapa ada botol plastik berisi minyak serta corong plastik dalam boot kereta, atau bertanya Azman yang diketahuinya sebagai tuanpunya kereta itu. Inferens yang tidak dapat dibendung ialah Baha memang sedar dan tahu tangki minyak kereta itu telah diubahsuai untuk memberi ruang bagi menyembunyikan dadah yang dibawa itu.

72. Keterangan pembelaan Baha sendiri di dapati tidak disokong, sebaliknya bercanggah dan tidak konsisten dengan keterangan saksinya Azman. Baha kata Mi berjumpa dengannya pada 29.12.96 menawarkan upah RM350 untuk menghantar kereta ke Kuala Lumpur tetapi itu tidak mungkin kerana mengikut Azman 2 – 3 hari sebelum itu Mi telah memberitahunya tentang Baha disuruh menghantar kereta ke Kuala Lumpur. Baha kata dia tahu untuk pergi ambil Azman di Tanah Merah sebab pada 29.12.96 Azman telah memberitahunya yang dia (Azman) akan tunggu di Tanah Merah. Tetapi dalam keterangannya, Azman menyatakan dia kebetulan berada di Tanah Merah apabila Baha menelefonnya pada 30.12.96 dan Baha menyuruhnya tunggu di sana. Baha memberitahu Mahkamah, dia hanya mengetahui yang Azman adalah tuanpunya kereta itu semasa dalam perjalanan mereka dari Tanah Merah, sebaliknya mengikut Azman, Baha telah mengetahui kereta

itu didaftar atas nama Azman sebelum 30.12.96. Baha kata Azman pergi ke Tanah Merah untuk mencari 2 pasang selipar yang dipesan oleh kawannya tetapi kata Azman dia hendak membeli sepasang selipar Adidas keperluan peribadinya.

73. Keterangan Baha juga didapati tidak konsisten, berbolak-balik dan bercanggah dengan keterangan lain. Dia nyata tidak jujur dan diragukan kebenarannya. Baha mula-mula mengaku bekerja sebagai peniaga ikan kemudian bertukar menjadi peniaga buah-buahan apabila menerangkan perkenalannya dengan Mi sejak 1995. Apabila disoal balas dia kata dia berniaga ikan di sebelah pagi dan pergi ke Golok membeli buah-buahan pada waktu petang untuk diniaga pagi esoknya. Bila ditanya berkenaan perniagaan ikan waktu pagi dia mengubah keterangan mengatakan kalau buah banyak perniagaan ikan ditinggalkan.

74. Semasa diperiksa balas Baha bersetuju dengan TPR yang dia ada pergi ke tempat lain selain kedai buah di Golok tapi jarang-jarang. Ini bermakna dia membeli buah-buahan daripada Mi di kedai buah-buahan di Golok untuk perniagaanya di Pasir Mas. Tetapi mengikut keterangan Azman, yang lebih rapat hubungannya dengan Mi, Mi tidak ada kedai buah, dia hanya pajak dan

hantar buah-buahan. Oleh itu tidak mungkin Baha membeli buah daripada Mi 4 kali seminggu di kedai buah di Golok.

75. Mengenai kekerapan mengisi minyak kereta, Baha mendakwa kereta itu telah diisi minyak hingga penuh di Rantau Panjang tapi dia hanya kena bayar RM5.00 sahaja. Dia setuju minyak RM5.00 tidak cukup untuk perjalanan jauh ke Kuala Lumpur tetapi dia pergi juga sebab tangki telah diisi penuh. Dia juga tengok meter dan nampak jaromnya masih atas sedikit daripada E yang sepatutnya sampai ke F. Katanya dia anggap minyak penuh walaupun jarom meternya menunjukkan tak penuh. Dia tidak merasa pelik dan tidak pula terfikir untuk berpatah balik dan bertanya Mi. Dia sedar ada P74A dan corong di dalam boot kereta itu tapi berpura-pura tidak tahu kenapa minyak tambahan dibekalkan. Apabila sampai di Tanah Merah, Baha sekali lagi mengisi penuh minyak kereta itu. Dia tak pasti jarom meter menunjukkan tanda E. Bila ditanya kenapa dia mengisi minyak lagi, dia memberi sebab bahawa Mi telah pesan selalu bubuh minyak dan dia tak tanya kenapa. Sampai di Gua Musang kereta diisi minyak penuh lagi dan masih tidak terlintas di hatinya untuk bertanya Azman yang ada bersamanya. Jelas Baha berdolak-dalik dan tidak konsisten yang menunjukkan dia sebenarnya tahu apa yang tersorok di dalam kereta itu.

76. Jika benar Mi memesan supaya dia acapkali mengisi minyak kereta, masakan Baha memberi sebab pertama bagi meneruskan perjalanan. Jika benar ada pesanan sedemikian diberi, tentu Mi telah juga memberitahu Baha tujuan dibekalkan minyak tambahan serta corong di dalam boot kereta. Jika itu berlaku, tentu Mi juga menjelaskan apa yang dibuat kepada tangki minyak kereta itu dan Baha pasti tahu tentang kewujudan ruang khas yang dibina dan apa yang tersorok dalamnya. Dan jika benar ada pesanan sedemikian, tidak mungkin Baha disuruh mendahulukan wang harga minyak kereta untuk perjalanan sedangkan dia telah dibayar upah RM350 awal-awal lagi. Semua ini hanya memberikan inferens yang Baha memang tahu tentang dadah yang disorok di dalam ruang yang dibina khas dalam kereta itu untuk dihantar ke Kuala Lumpur.

77. Baha berada di Golok semasa diupah oleh Mi untuk menghantar kereta itu ke Kuala Lumpur. Dia tahu Azlan pergi hantar kereta itu ke Lubok Gong. Dia disuruh ambil kereta itu di sana. Mi sendiri pula membawanya ke Lubok Gong untuk mengambil kereta itu. Telefon bimbit Azlan juga dibekalkan tapi dia diarah tidak menghubungi Najib. Kenapa pula Najib akan menghubungi Azlan, pada hal yang hendak menjual kereta itu ialah Mi. Azman tuannya berdaftar kereta itu diketahui akan bersama Baha dan dia juga ada telefon bimbit (kedua-dua telefon dirampas polis). Namun demikian Baha kata dia

tidak syak apa-apa dan ikut sahaja. Keadaan sedemikian jelas menunjukkan wujud perancangan mengedar antara mereka dan sukar diterima yang Baha tidak tahu atau sekurang-kurangnya sedar mengenainya.

78. Dalam semua keadaan yang dinyatakan itu penafian Baha didapati tidak menasabah dan, tidak mungkin. Ia nyata tidak benar dan tidak menimbulkan keraguan bahawa dia tahu yang dia membawa dadah tersebut di dalam kereta itu.

79. Peguambela bijaksana menghujahkan tentang akses Mi dan Azlan kepada kereta itu sebelum dipandu oleh Baha serta ketiadaan pemilikan eksklusif Baha ke atas kereta itu. Isu di sini ialah pengetahuan, bukannya siapa yang menyorok dadah di dalam kereta atau siapa tuannya dadah itu. Fakta kehadiran Mi dan Azlan bersama Baha di Lubok Gong itu sendiri menguatkan kes pendakwa bahawa Baha memang terlibat dalam perancangan mengedar dadah itu. Adalah mustahil baginya tidak mendengar (andainya tidak menyertai) perbualan antara Mi dan Azlan semasa atau sebelum penyerahan kunci kereta dan telefon bimbit kepadanya.

80. Hujahan bahawa Azman tahu tentang penjualan kereta itu sebelum Baha yang dikaitkan dengan hubungan rapat Azman dengan Mi untuk

membangkitkan inferens bahawa mereka yang merancang perjalanan itu dan menggunakan Baha sebagai pemandu upahan adalah bertentangan dengan keterangan dan pembelaan Baha sendiri. Seperti dinyatakan sebelum ini keterangan Azman hanya menyatakan apa yang Mi beritahu kepadanya. Jika itu benar, Baha telah disuruh oleh Mi menghantar kereta itu sebelum Azman diberitahu dan bukan sebaliknya.

81. Hujah peguambela bijaksana mengenai kesempatan Baha memasukkan bungkusan-bungkusan dadah ke dalam kereta itu adalah tidak relevan kerana itu bukan isu. Hujah bahawa Baha tidak menunjukkan perasaan bersalah semasa berada di SJR telah dijawab oleh SP14 yang memberitahu mereka bahawa kereta hanya ditahan untuk pemeriksaan road tax palsu oleh itu tiada sebab untuk lari.

### Kesimpulan

82. Dalam meneliti kes pembelaan saya telah mengambil panduan daripada penghakiman Mohamad Azmi SCJ dalam kes MOHAMAD RADHI BIN YAAKOB v. PP (1991) 3 MLJ 169 yang dirujuk oleh pihak pembelaan dalam hujahnya. Pesanan di situ ialah “Sungguhpun seorang hakim tidak menerima atau mempercayai huraian orang yang tertuduh, orang tertuduh itu tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas sebab yang

mencukupi bahawa huraian yang diberi itu tidak membangkitkan keraguan yang menasabah terhadap kes pendakwa.”

83. Tahap pembuktian pihak-pihak juga dibincang dan jelaskan dalam kes tersebut dan diambil perhatian pada membuat pertimbangan keseluruhan kes ini. Gambaran keseluruhan yang dilihat di akhir kes ialah penglibatan keempat-empat orang watak utama kes ini dalam perancangan yang teratur untuk mengedar dadah berbahaya dari Golok ke Kuala Lumpur dengan menggunakan kereta DAC 7501. Mereka telah mengenali antara satu sama lain dan telah memainkan peranan masing-masing sepertimana yang telah ditentukan. Malang bagi Baha, dia seorang sahaja yang berjaya ditangkap dan dibuktikan melakukan kesalahan itu. Saya tidak percaya pembelaannya yang dia hanya merupakan pemandu upahan yang tak tahu apa-apa. Keterangannya di dapati tidak menasabah dan tidak mungkin dengan itu gagal mematahkan anggapan seksyen 37(h) ADB. Saya berpuas hati atas sebab-sebab yang dinyatakan bahawa pembelaannya tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang dia telah melakukan kesalahan yang dipertuduh.

84. Seperti dinyatakan di akhir perbicaraan dan diterangkan dalam alasan penghakiman ini, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap Baha tanpa keraguan yang menasabah. Kes pembelaan gagal membangkitkan

apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan itu atau mematahkan anggapan statutori, sebaliknya telah menguatkan kes pendakwa bahawa Baha mengedar dadah berbahaya seperti dituduh.

85. Dengan itu, Baha disabitkan dan dijatuhkan hukuman mandatori yang ditetapkan oleh undang-undang.

**TENGGU DATO' BAHARUDIN SHAH BIN TENGGU MAHMUD**  
Hakim Mahkamah Rayuan  
Malaysia.

Bertarikh : 14.9.2007

Pendakwaan : Mohd Dusuki bin Mokhtar  
Timbalan Pendakwa Raya

Pembelaan : Cik Noor Hayati bt. Ismail mewakili Tertuduh 1  
(dilantik oleh Mahkamah)

En. Mohamed Apandi Ali mewakili Tertuduh 2